



**TEKS PERUTUSAN AIDILFITRI
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
PADA
RAKAMAN BERSAMA RTM MELAKA DAN MELAKAFM**

TARIKH: 4 MEI 2021 (SELASA) , MASA: 12 TENGAH HARI

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

**Salam Sejahtera. Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia,
Menggamit Dunia.**

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar. Walillahilhamdu.

**Apa kabau semua? Saya harap orang Melaka semuanya sihat
walafiat.**

**Alhamdulillah, pertamanya, marilah kita memanjatkan setinggi-
tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana telah
mengurniakan nikmat kesihatan untuk kita menunaikan Rukun
Islam yang ketiga, iaitu ibadah puasa sepanjang bulan Ramadan
pada tahun ini.**

**Saya yakin, saudara dan saudari pasti sudah tidak sabar-sabar
untuk meraikan 1 Syawal setelah sebulan berpuasa. Insyallah
esok, umat Islam di Malaysia akan meraikan Hari Raya Aidilfitri.**

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian;

Berbanding dengan beberapa tahun yang lepas, sambutan Aidilfitri pada tahun ini cukup berbeza kerana kita perlu mematuhi amalan norma baharu yang telah ditetapkan.

Jika sebelum ini, setiap kali Aidilfitri, kita berpeluang untuk menziarahi ibu bapa, ahli keluarga, sanak saudara mahupun sahabat handai di mana juga mereka berada.

Walau bagaimanapun, akibat penularan COVID-19, telah mengubah secara total, budaya dan amalan tradisi yang telah kita lakukan turun-temurun dalam meraikan Aidilfitri.

Kini, tiada lagi kemeriahan tradisi kunjung-mengunjung atau amalan rumah terbuka, mahupun bermaaf-maafan secara bersentuhan. Malah, pemberian 'duit raya' juga disarankan agar dibuat secara dalam talian (*online*).

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian;

Sama seperti pada tahun yang lepas, tahun ini, kita juga masih tidak dibenarkan merentas negeri untuk pulang ke kampung halaman bagi meraikan sambutan lebaran.

Namun, saya percaya tindakan tersebut bukanlah untuk menyekat kegembiraan dan keceriaan kita dalam meraikan kedatangan Syawal.

Sebaliknya, ia bertujuan untuk membendung penularan wabak tersebut yang semakin meningkat di seluruh negara.

Apapun, kita patut bersyukur kerana sekurang-kurangnya masih berpeluang meraikan ketibaan 1 Syawal dengan gembira dan ceria biarpun perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian;

Sempena kedatangan Syawal ini, suka saya menasihatkan saudara dan saudari, rai dan sambutlah secara bersederhana dan sentiasalah menjaga keselamatan dan kesihatan diri sendiri serta ahli keluarga.

Sentiasalah mengamalkan tiga amalan norma baharu iaitu memakai pelitup muka, jaga penjarakan sosial serta sentiasa cuci tangan dengan cecair pembasmi kuman.

Elakkan berkunjung ke tempat-tempat yang sesak dan sempit. Semua ini penting supaya kita dapat menyambut Aidilfitri dalam suasana ceria, gembira dan lebih penting selamat.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian;

Kepada anda yang masih belum mendaftar untuk menerima suntikan vaksin COVID-19, cepat-cepatlah berbuat demikian melalui aplikasi MySejahtera serta medium lain yang telah disediakan.

Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada petugas barisan hadapan dan semua rakyat Malaysia yang sentiasa memberikan sokongan padu dan kerjasama kepada Kerajaan dalam memerangi wabak ini.

Akhir sekali, saya dan isteri serta seisi keluarga mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada saudara saudari sekalian dan semua umat Islam di mana jua anda berada.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar. Walillahilhamdu.

Sekian, Wallahu A'lam

Wabillahi taufik walhidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh